

**Polemik Teks KOMSAS Di Malaysia:  
Satu Analisa Tentang Kaitan Antara Nilai Kesasteraan  
Dengan Anugerah Sastera**

Oleh:  
Mohd. Zariat Abdul Rani  
Jabatan Bahasa Melayu,  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,  
Universiti Putra Malaysia  
&  
Felo “Asian Public Intellectuals” 2008-2009,  
The Nippon Foundation.

Kertas kerja yang dibentangkan di Konferensi Internasional Kesusasteraan XIX  
Himpunan Sarjana-Kesusasteraan Indonesia (HISKI), bertemakan “Pembelajaran Sastra  
Di Sekolah: Ideologi, Politik Kebudayaan, dan Kanonisasi”,  
anjuran Himpunan Sarjana-Kesusasteraan Indonesia (HISKI)  
& Fakultas Sastra, Universitas Negeri Malang,  
di Hotel Asida, Batu Malang, Indonesia,  
pada 12 – 14 Ogos 2008.

Hanya Draf untuk Perbincangan  
Tidak Boleh Dikutip Tanpa Kebenaran Penulis

**Polemik Teks KOMSAS Di Malaysia:  
Satu Analisa Tentang Kaitan Antara Nilai Kesasteraan  
Dengan Anugerah Sastera**  
(Hanya Draf untuk Perbincangan)

Oleh:  
Mohd. Zariat Abdul Rani\*

**Mukadimah**

Pada awal tahun 2008, dunia kesusasteraan di Malaysia diriuhan dengan polemik pemilihan teks sastera sebagai komponen dalam pengajaran bahasa Melayu (KOMSAS) di sekolah-sekolah menengah. Dari segi sejarahnya, KOMSAS buat pertama kali dilaksanakan pada tahun 2000 sebagai cetus daripada Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berhasrat untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani.<sup>1</sup> Berteraskan falsafah ini, KOMSAS dilaksanakan dengan praktik kebiasaannya yang menjadikan karya-karya sastera yang sebahagian besarnya dihasilkan oleh para “sasterawan mapan” sebagai teks pengajaran. “Sasterawan mapan” di sini merujuk kepada para penulis yang karya-karya sastera mereka telah mendapat pengiktirafan rasmi seperti memenangi sayembara dan hadiah sastera, atau sasterawan itu sendiri yang dikurniakan anugerah/hadiah tertentu berdasarkan sumbangannya dalam dunia kesusasteraan negara. Kebiasaan inilah yang dilihat menjadi punca teretusnya

---

\* Mohd. Zariat Abdul Rani, Ph.D. merupakan dosen di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, dengan pengkhususan dalam bidang teori dan kritikan sastera. Pada ketika ini, Mohd. Zariat sedang berada di Indonesia dalam rencana penyelidikan di bawah Program Fellowships “Asian Public Intellectuals” (API) 2008-2009, anjuran & tajaan The Nippon Foundation of Japan.

<sup>1</sup> Sila rujuk artikel bertajuk “Teks Sastera Kena Pikat Penulis Muda”, *Berita Harian*, 29 Januari 2008.

polemik, apabila timbulnya khobar angin bahawa Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), Kementerian Pelajaran Malaysia dalam pemilihan teks KOMSAS 2007/2008 berhasrat untuk tidak memilih karya-karya para “sasterawan mapan”. Dalam hal ini, PPK dikatakan menganggap bahawa karya-karya “sasterawan mapan” terlalu berat dan justeru tidak sesuai untuk pengajaran di sekolah-sekolah.<sup>2</sup> Dan sebagai gantinya, PPK dikatakan berhasrat untuk menjadikan karya-karya “penulis popular” sebagai pilihan. “Penulis popular” di sini merujuk kepada penulis-penulis yang karya-karya mereka terjual dengan laris di pasaran, tetapi tidak pernah mendapat pengiktirafan seperti memenangi anugerah atau hadiah/sayembara sastera.

Lanjutan itu, adalah menarik untuk diamati reaksi dan pandangan yang disuarakan oleh para pengiat, sarjana dan peminat sastera tempatan terhadap khobar angin tersebut.<sup>3</sup> Sebahagian besar mereka berpendapat bahawa hasrat PPK tersebut adalah satu kesilapan kerana mutu dan nilai sastera karya para “penulis popular” yang dianggap rendah, berbanding karya-karya “sasterawan mapan”. Kerendahan mutu karya “penulis popular” ini pula dikaitkan dengan motif penulisannya yang dikatakan berorientasikan keuntungan. Seajar dengan orientasi ini, karya-karya “penulis popular” dikatakan lebih tertumpu pada soal untuk memancing selera pembaca yang kebanyakannya terdiri daripada golongan remaja, dengan memanipulasi unsur-unsur yang dianggap dapat menarik perhatian golongan tersebut. Antaranya, unsur seks dan erotik yang dikatakan mengisi karya-karya

---

<sup>2</sup> Sila rujuk artikel bertajuk “Teks Sekolah Tak Senarai Karya Sasterawan Negara”, *Berita Harian*, 12 Januari 2008.

<sup>3</sup> Sila rujuk artikel surat pembaca bertajuk “Teks Sekolah Tak Senarai Karya Sasterawan Negara”, *Berita Harian*, 12 Januari 2008, artikel Datuk Dr. Anwar Ridhwan bertajuk “Karya Bermutu Wajar Jadi Teks Sastera”, *Berita Harian*, 15 Januari, & artikel Syed Mohd. Zakir Syed Othman bertajuk “Cadang Karya Sasterawan Negara Jadi Teks Sekolah”, *Berita Harian*, 17 Januari 2008.

para “penulis popular” secara kasar dan dangkal, tanpa mesej atau pengajaran yang bermakna dan mendalam. Ini diperkuatkan lagi dengan alasan bahawa karya-karya “penulis popular” tidak mendapat pengiktirafan atau hadiah sastera. Akan tetapi kebanyakan mereka mempunyai tanggapan yang berbeza terhadap “sasterawan mapan”, yang karya-karya mereka dianggap membawa tema-tema yang serius dan mendalam, selain mengandungi mesej dan nilai pengajaran. Dalam hal ini, pengurniaan anugerah dan hadiah sastera terhadap karya-karya “sasterawan mapan” dianggap sebagai satu perakuan rasmi terhadap mutu dan nilai sastera mereka. Justeru, hasrat PPK untuk memberikan keutamaan terhadap karya “penulis popular” juga dianggap sebagai satu penghinaan terhadap para “sasterawan mapan” khususnya para “Sasterawan Negara” yang mutu serta nilai sastera karya-karya mereka telah diperakukan oleh anugerah sastera yang dianggap paling berprestij di Malaysia itu.<sup>4</sup>

Sesungguhnya, terlepas daripada soal hasrat PPK itu, polemik yang melanda dunia kesusasteraan Melayu ini menimbulkan beberapa perkara yang menarik untuk dibahasakan selanjutnya. Antaranya, soal mutu dan nilai kesasteraan (*literariness*) sesebuah karya sastera yang jelas dikaitkan dengan anugerah dan hadiah sastera yang dimenangi oleh penulisnya. Dalam hal ini, adalah jelas bahawa wujudnya dua “kelas” yang berbeza, iaitu “sastera serius” yang diwakili oleh karya-karya yang dianggap bermutu tinggi/bernilai sastera kerana telah mendapat pengiktirafan/anugerah, dan

---

<sup>4</sup> Rasa penghinaan ini jelas apabila Datuk A. Samad Said, penerima Anugerah Sastera Negara pada tahun 1985 kemudiannya mengisytiharkan secara rasmi bahawa beliau tidak mahu lagi menyandang gelaran tersebut sebagai tanda protes terhadap hasrat PPK itu, sebagaimana beliau dipetik berkata: “Saya kini mantan Sasterawan Negara dan tidak mahu lagi menggunakan gelaran tersebut. Saya juga tidak akan menerima sebarang jemputan ceramah atau program berkaitan Komponen Sastera dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu (KOMASAS)”. Sila rujuk artikel bertajuk “Saya Tidak Mahu Lagi Bergelar Sasterawan Negara- A. Samad Said”, *Utusan Malaysia*, 24 Januari 2008.

“sastera popular” yang diwakili oleh karya-karya yang tidak dianggap bermutu/tidak bernilai sastra kerana berorientasikan keuntungan, dan justeru tidak wajar menerima sebarang pengiktirafan/anugerah. Ini bererti, pengiktirafan/anugerah rasmi seperti anugerah “Sasterawan Negara” telah menjadi semacam satu perakuan dan jaminan yang sah terhadap mutu sesebuah karya sastra di Malaysia. Tidak kurang penting ialah persepsi bahawa mutu karya-karya yang dianggap “sastra serius” itu adalah berdasarkan tema-temanya yang serius dan mendalam, berbanding karya-karya “sastra popular” yang didakwa lebih cenderung memanipulasi unsur-unsur seks dan erotik secara dangkal dan kasar guna memancing pembaca. Persoalan yang ingin dibangkitkan di sini: “adakah benar karya-karya yang dianggap “sastra serius” itu mengungkap tema-tema yang serius serta mendalam, dan bebas sepenuhnya daripada kecenderungan memanipulasi unsur-unsur seks dan erotik untuk memancing pembaca?, dan: “sejauhmanakah anugerah/hadiah sastra dapat mempengaruhi kedudukan sesebuah karya sastra sama ada sebagai “sastra serius” atau “sastra popular”. Makalah ini berusaha untuk merungkaikan persoalan ini dengan menjadikan dua buah novel hasil karya “Sasterawan Negara”, iaitu *Terdedah* (1965) karya Sasterawan Negara Datuk Shahnnon Ahmad, dan *Kuala Lumpur Kita Punya* (1967) karya Sasterawan Negara Dato’ Abdullah Hussain, sebagai bahan kajian. Pilihan ini bersandar kepada resepsi kritis para pengkritik sastra, selain perakuan panel “Anugerah Sastra Negara” sendiri terhadap mutu dan nilai kesasteraan kedua-dua novel seperti yang akan dibahaskan lebih lanjut nanti. Pada tahap ini, penting untuk dijelaskan bahawa kedua-dua novel akan dianalisis guna mengenal pasti kecenderungan tema yang digarap dalam kedua-dua novel tersebut, dan seterusnya

mengamati bagaimana anugerah/hadiah sastra mempengaruhi persepsi terhadap nilai kesasteraan kedua-dua novel tersebut?

### **Analisis Novel *Terdedah* Karya Shahnnon Ahmad<sup>5</sup>**

Novel *Terdedah* dihasilkan oleh Shahnnon Ahmad (Shahnnon) pada tahun 1965, iaitu tahun-tahun yang digelar sebagai “era picisan” dalam sejarah kesusasteraan Melayu moden. Gelaran “era picisan” ini rata-rata merujuk kepada kebanjiran novel-novel seks dan erotik di pasaran sastra Melayu pada ketika itu.<sup>6</sup> Pengamatan awal mendapati bahawa persekitaran sastra pada ketika itu sedikit sebanyak turut mempengaruhi beberapa aspek luaran novel kedua Shahnnon ini. Perkara ini merujuk kepada tajuk novel dan subtajuk yang tercetak pada kulit novel iaitu “terdedah” dan “kisah kebinatangan manusia dalam satu hari satu malam”, selain ilustrasi kulit novel yang memaparkan gambar tubuh wanita dalam keadaan separuh bogel. Kesemua itu dengan mudah dapat

---

<sup>5</sup> Dalam konteks perbincangan tentang konsep “picisan” dalam kesusasteraan Melayu, contoh dan analisis daripada novel *Terdedah* karya Shahnnon Ahmad ini telah saya bangkitkan terlebih dahulu pada kesempatan lain. Sila rujuk Mohd. Zariat Abdul Rani, “Konsep *Picisan* dalam Kesusasteraan Melayu: Beberapa Pengamatan”, kertas kerja yang dibentangkan di Konferensi Internasional Kesusasteraan XVII, bertemakan “Sastra dalam Konteks Perkotaan: Industrialisasi dan Urbanisme”, anjuran Himpunan Sarjana-Kesusasteraan Indonesia (HISKI) & Departemen Susastra, Fakultas Ilmu Pengetahuan Budaya, Universitas Indonesia, di Fakultas Ilmu Pengetahuan Budaya, Universitas Indonesia, Jakarta, pada 6-9 Ogos 2007.

<sup>6</sup> Pasaran sastra di Malaysia pada tahun-tahun 1960-an dikuasai oleh novel-novel seks dan erotik yang menyajikan kisah-kisah yang berlegar tentang soal seks dan erotik secara cetek dan melulu, tanpa adanya kecenderungan yang serius untuk menyampaikan mesej, kritikan atau pemikiran tertentu. Tema-tema yang diperagakan kebanyakannya berlegar soal cinta muda-mudi, kebebasan hidup di kota, kecurangan rumahtangga, skandal seks orang ternama, termasuklah kegiatan kabaret dan pelacuran. Cara penulisan karya-karya jenis juga rata-rata dikatakan tidak berseni, dalam erti kata yang lebih jelas, bahasa yang digunakan kebiasaannya eksplisit, kasar dan lucu. Teknik penceritaannya dikatakan lebih cenderung untuk menyemarakkan antipati pembaca terhadap babak-2 seks, yang selalunya dilukiskan secara detail dan grafik. Kesemua ini dilakukan untuk menarik perhatian pembaca dengan cara menimbulkan keseronokan dan keberanian mereka terhadap manifestasi-manifestasi seks dan erotik. Kebanjiran karya-karya jenis ini menyebabkan kebanyakan pengkritik sastra Melayu menggelar tahun-tahun 1960-an sebagai “era picisan” kerana tandusnya kesusasteraan Melayu pada ketika itu dengan karya-karya yang bermutu tinggi dan bernilai sastra. Untuk keterangan lanjut, sila rujuk Ramli Isin, *Riak dan Gelombang Sastra Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1987, pp. 159-161, & Supardi Muradi, *Novel-novel Erotik Melayu di Sekitar Tahun-tahun 1960-an-1970-an: Satu Pembicaraan*. Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1978.

menjantik tanggapan awal bahawa *Terdedah* kemungkinan adalah sebuah novel seks dan erotik, sebagaimana yang turut diakui oleh Ungku Maimunah: “A flip of the front page revealed a sub-title which was no less sexual in connotation...This served to confirm expectations of a sexual novel, as promised both by the title and the picture”.<sup>7</sup> Penting untuk diketahui bahawa persepsi yang menganggap *Terdedah* BUKAN sebagai “sastera serius” tidak sahaja diasaskan kepada aspek-aspek luaran novel tersebut. A. Teeuw (seorang Profesor Kesusasteraan Melayu-Indonesia yang terkenal pada sekitar tahun 1960-an) umpamanya, menganggap bahawa isi sebahagian besar karya yang dihasilkan Shahnnon sepanjang “era picisan” termasuklah novel *Terdedah* sebagai: “...tidak ada jasanya apa-apa pun juga sebagai hasil sastera. Semuanya adalah cerita sensasi (asal seram saja) yang semuanya berpusatkan kepada seks, pelacuran dan lain-lain”.<sup>8</sup> Adalah jelas bahawa pada awal kehadirannya, *Terdedah* ditanggapi oleh pengkritik dan peminat sastera sebagai “sastera popular” kerana menyajikan unsur-unsur seks dan erotik yang sememangnya menjadi selera popular pada ketika itu.

Sehubungan itu, adalah menarik untuk dinyatakan bahawa Shahnnon menafikan sekeras-kerasnya bahawa *Terdedah* adalah sebuah “sastera popular”. Tanpa menafikan bahawa novel tipis (setebal 116 halaman) itu memang dipersepsikan oleh beberapa pihak sebagai “sastera popular”, Shahnnon menjelaskan bahawa persepsi sedemikian timbul disebabkan beberapa perkara. Pertama, kulit depan novel ini yang memaparkan ilustrasi dari sisi belakang tubuh wanita separuh bogel. Akan tetapi, dalam hal ini, Shahnnon

---

<sup>7</sup> Ungku Maimunah Mohd. Tahir, *Antara Kampung dan Kota: Rural Bias in the Novels of Shahnnon Ahmad*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998, hlm. 102.

<sup>8</sup> A. Teeuw, “Kesan Seorang Luar: Dua Novelet Karangan Shahnnon Ahmad. *Dewan Bahasa*, Mac, 1966, hlm. 107-108.

menyalahkan penerbitnya, iaitu Toko Buku Abbas Bandung yang menurutnya beranggapan bahawa ilustrasi sedemikian tidak akan menimbulkan persepsi negatif.<sup>9</sup> Kedua, perkataan yang menjadi judul novel iaitu “terdedah” yang dianggap boleh memberikan konotasi seks dan erotik. Walau bagaimanapun, Shahnnon menjelaskan bahawa perkataan “terdedah” sebagai judul novelnya itu sebenarnya merujuk kepada soal “kekosongan” jiwa yang “mendedahkan” manusia kepada anasir-anasir yang tidak sihat. Selain mendakwa bahawa perkataan “terdedah” yang sedia difahami didaerahnya<sup>10</sup> tidak membawa konotasi seks dan erotik, Shahnnon menjelaskan bahawa judul tersebut adalah bersesuaian dengan motif awalnya penulisan novelnya itu. Ini kerana menurut Shahnnon, *Terdedah* menceritakan soal kekosongan jiwa manusia yang menyemarakkan sifat kebinatangan mereka, sebagaimana yang menurutnya turut terakam pada subjudulnya, iaitu “Kisah Kebinatangan Manusia dalam Satu Hari Satu Malam).<sup>11</sup>

Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa Shahnnon berusaha sedaya-upaya melepaskan *Terdedah* daripada sebarang persepsi yang mengaitkannya dengan gelaran “novel seks” atau “sastera popular”. Usaha ini dilihat semakin nyata apabila Shahnnon mengutarakan beberapa pandangannya tentang novel tersebut. Menurut Shahnnon dan seperti yang telah dinyatakan di atas, motif awal beliau menulis *Terdedah* ialah untuk memaparkan kisah kekosongan jiwa manusia dan sifat kebinatangan mereka. Akan tetapi, motif tersebut beliau kesampingkan kerana ingin membangkitkan kritikan-kritikan sosial

---

<sup>9</sup> Ungku Maimunah Mohd. Tahir, *Antara Kampung dan Kota: Rural Bias in the Novels of Shahnnon Ahmad*, hlm. 101-102

<sup>10</sup> Shahnnon Ahmad dilahirkan di Kampung Banggul Derdap, Sik Kedah, iaitu salah sebuah daerah di bahagian utara Semenanjung Malaysia.

<sup>11</sup> Shahnnon Ahmad, “Mengapa *Terdedah*”, dlm. *Sastera Sebagai Seismograf Kehidupan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1993, hlm 455

yang menurut hematnya, kemudiannya mendominasi isi kandungan novel tersebut, sebagaimana yang ditulis oleh Shahnnon sendiri:

Campuran antara kekosongan jiwa dengan sifat kebinatangan manusia inilah yang ingin saya sampaikan... Tetapi apabila saya membaca kembali novel kecil ini, saya mulai terasa bahawa saya gagal. Motif asal yang tersemat dalam kepala saya nampaknya terbawa ke soal lain; *lebih banyak* kepada soal-soal kritik sosial, hinggakan *banyak* bahagian saya pusatkan pada soal-soal kritik sosial<sup>12</sup> [Huruf condong ditambah.]

Adalah jelas bahawa kenyataan Shahnnon seperti yang dikutip dalam petikan di atas secara sedar bertujuan untuk menafikan *Terdedah* sebagai sebuah “sastera popular”, dan sebaliknya memperakukan sifatnya sebagai “sastera serius”. Ini jelas apabila Shahnnon menafikan sekeras-kerasnya kesan konotasi seks dan erotik yang timbul daripada tajuk, subtajuk dan ilustrasi novel iaitu ciri yang sering dikaitkan dengan “sastera popular”, sebaliknya berusaha menonjolkan soal saratnya *Terdedah* dengan pemikiran dan kritikan sosial, iaitu ciri yang melayakkan sesebuah karya itu dianggap “sastera serius”. Kenyataan Shahnnon ini ternyata bukan sahaja bertentangan dengan persepsi dan pandangan awal tentang *Terdedah* seperti yang dinyatakan sebelumnya, tetapi mengundang penelitian lanjut terhadap isi kandungan novel tersebut. Ini penting bagi menguji kesahihan kenyataan Shahnnon, iaitu novel *Terdedah* sarat dengan pemikiran dan kritikan sosial, dan bukannya unsur seks dan erotik.

Bacaan awal mendapati bahawa cerita dalam novel ini berlegar sekitar kisah pergolakan protagonis novel Sharifah Shuhada, seorang janda muda yang cantik, kaya, baru kematian suaminya yang impoten dan kini hidup dalam kesunyian. Gabungan antara

---

<sup>12</sup> Ibid. hlm. 455-456.

perwatakan dan latar belakang watak yang seumpama ini, dengan sendirinya menjadikan protagonis tersebut sebagai “material” yang cukup berpotensi dalam menghadirkan unsur-unsur seks dan erotik. Ini kerana, dengan kedudukannya sebagai seorang janda muda dan cantik, adalah tidak janggal sekiranya novel menghadirkan cerita tentang pergelutan dan godaan seks yang dihadapi oleh protagonis tersebut, iaitu satu persepsi yang seringkali dikaitkan oleh masyarakat Melayu terhadap “janda muda” rata-rata kerana pengalaman seksual mereka, berbanding gadis perawan. Begitu juga asal mula cerita (*antecedent*) yang memaklumkan tentang kisah rumahtangga Sharifah Shuhada yang tidak bahagia dengan arwah suaminya, Syed Ghaffar yang tua dan impoten, selain kehidupan protagonis tersebut yang sendirian dan kesunyian setelah kematian suaminya. Apa yang jelas, kesemua maklumat ini sudah cukup untuk meletakkan Sharifah Shuhada sebagai seorang wanita yang kini hidup dalam kedahagaan dan keterdesakan nafsu seks. Dan edudukan ini ternyata dimanfaatkan sepenuhnya oleh Shahnnon apabila novel dalam perkembangan selanjutnya menceritakan tentang fantasi dan imaginasi seks yang bermain-main di fikiran Sharifah Shuhada, umpamanya ketika dia diceritakan membelek-belek tubuhnya sendiri di hadapan cermin, mandi di bawah air pancuran, berguling-gulingan di atas katil sambil mendakap bantal peluk, memerhatikan lendir putih telur dan sebagainya. Begitu juga tabiat Sharifah Shuhada yang diceritakan gemar bercakap lucah, serta berani mengundang teman-teman lelakinya ke rumah pada malam hari. Dapat dikatakan bahawa gambaran-gambaran watak yang sedemikian memperkukuhkan lagi jangkaan bahawa perkembangan cerita yang seterusnya akan meneroka soal seks dan erotik.

Ternyata jangkauan di atas semakin kukuh apabila cerita kemudiannya memperkenalkan dua watak lelaki utama, iaitu Syed Mokhsin seorang bujang yang hidup berfoya-foya dan Adnan seorang suami yang curang. Selain mengenali dan meminati Sharifah Shuhada, kedua-dua watak lelaki tersebut hadir dalam cerita sebagai *sex opportunists*, yang memang sedia peka tentang keterdesakan nafsu seks janda muda itu, selain tidak teragak-agak untuk memenuhi tuntutan. Dengan pengenalan kedua-dua watak lelaki yang memiliki ciri-ciri perwatakan sedemikian, cerita seterusnya beranjak kepada episod-episod “tawar-menawar” antara Sharifah Shuhada dengan Syed Mokhsin, dan Sharifah Shuhada dengan Adnan, yang merancang-rancang untuk bertemu di rumah protagonis novel pada malam hari nanti. Bermula dengan perancangan ini, cerita seterusnya membangkitkan dan menggembleng sebaik-baiknya elemen-elemen konflik melalui cerita tentang usaha ketiga-tiga watak (Sharifah Shuhada, Adnan & Syed Mokhsin) yang masing-masing cuba sedaya-upaya memboloskan diri daripada hambatan-hambatan yang menghalang pertemuan intim mereka pada malam hari nanti. Syed Mokhsin dan Adnan, umpamanya dihimpit antara tugas dan keinginan yang meluap-luap untuk bertemu Sharifah Shuhada, manakala Sharifah Shuhada pula bersungguh-sungguh memujuk mereka mengenyepikan kesibukan tugas dan datang ke rumahnya. Penting untuk dijelaskan bahawa dalam usaha menghidupkan pergelutan ketiga-tiga watak dengan konflik-konflik tersebut, novel menggambarkan secara terperinci soal mainan fikiran mereka, terutamanya bayangan-bayangan tentang kemungkinan yang bakal mereka lakukan pada malam pertemuan itu nanti. Teknik penceritaan yang sebegini berupaya menghidupkan unsur-unsur ketegangan (*suspense*) terhadap kemungkinan-kemungkinan hadirnya babak-babak seks dan erotik yang melibatkan Sharifah Shuhada, Syed Mokhsin

dan Adnan. Akan tetapi, dalam perkembangan cerita seterusnya, novel meredakan konflik-konflik tersebut dengan kejayaan watak-watak melewati halangan-halangan yang dihadapi. Syed Mokhsin, umpamanya berhasil untuk terus singgah ke rumah Sharifah Shuhada sebagai sahaja selesai lawatannya ke desa dengan Menteri Besar, manakala Adnan pula Berjaya memendek mesyuarat Parti Bumiputra pimpinannya, selain Sharifah Syuhada sendiri yang akhirnya memutuskan untuk tidak membatalkan janji dengan kedua-duanya dengan harapan salah seorang daripadanya dapat hadir ke rumahnya nanti. Dengan penggemblengan ini, dapat dikatakan bahawa ketiga-tiga watak utama ini berkongsi satu matlamat perjuangan yang sama, iaitu melepaskan keinginan nafsu syahwat masing-masing yang sedang meluap-luap. Dan soal matlamat perjuangan watak-watak utama inilah yang kemudiannya didapati mendominasi hampir keseluruhan naratif yang diisi dengan paparan-paparan eksplisit tentang pergolakan watak-watak yang seharian bergelut dengan konflik dalaman danantisipasi masing-masing untuk menanti kemungkinan terjadinya detik pertemuan pada malam hari nanti. Dalam konteks ini, penting untuk diamati bagaimana fokus cerita, pada tahap ini jelas tertumpu kepada soal seks dan erotik.

Seterusnya, bacaan mendapati bahawa fokus di atas bukan sahaja masih terpelihara, tetapi semakin meningkat apabila novel memperkenalkan watak-watak sampingan yang dihadirkan secara berpasang-pasangan, iaitu Rohana dengan Fakar, dan Tijah dengan Hamid. Hampir sama dengan penggemblengan sebelumnya, kesemua watak-watak sampingan tersebut juga digambarkan cenderung terhadap seks. Umpamanya, watak Rohana, isteri Adnan yang kesunyian kerana sering ditinggalkan

suaminya yang sibuk dengan dunia politik, menjalinkan hubungan dengan Fakar, iaitu setiausaha politik suaminya sendiri. Berita tentang ketiadaan Adnan di rumah pada malam nanti kerana ingin bertemu Sharifah Syuhada, memberi kesempatan kepada Fakar untuk mengisi kekosongan batin Rohana, selain dirinya sendiri. Begitu juga Tijah dan Hamid, orang gaji dan tukang kebun Sharifah Syuhada yang diceritakan secara senyap-senyap mengatur rancangan untuk bertemu pada malam majikannya itu bakal menerima kunjungan teman lelakinya (sama ada Syed Mokhsin atau Adnan). Adalah jelas bahawa sama dengan ketiga-tiga watak utama, “perjuangan” watak-watak sampingan ini sepanjang tempoh naratif (*story time*) novel ialah menjayakan keinginan untuk bertemu dan melepaskan keinginan nafsu seks dengan pasangan masing-masing. Adalah jelas daripada pengamatan di atas bahawa watak-watak yang hadir dalam novel ini digembleng sepenuh bagi menjejaskan cerita pada satu fokus, iaitu soal kedahagaan nafsu seks manusia. Dapatan ini, dengan sendirinya menjelaskan bahawa motif awal Shanon menulis *Terdedah*, iaitu untuk menceritakan soal kedahagaan nafsu seks manusia bukan sahaja dapat dilaksanakan dengan jayanya, tetapi juga tidak sedikit pun tergugat. Justeru, pemilihan perkataan “terdedah” (yang dimaksudkan beliau sebagai satu “kekosongan” jiwa manusia) sebagai judul novel dapat dianggap sebagai satu pilihan yang tepat.

Seperkara lain yang turut penting untuk dibincangkan ialah moral watak-watak, yang kemudiannya mempengaruhi sifat perhubungan dengan pasangan mereka. Dapat dikatakan bahawa kesemua watak-watak yang hidup dalam dunia fiktif novel ini merupakan watak-watak yang tidak kuat pegangan terhadap nilai-nilai agama mereka, dan ini memungkinkan mereka menyimpan hasrat dan kemudiannya merancang-rancang

untuk mendekati perbuatan zina yang ditegah Islam. Sharifah Shuhada misalnya, bersedia menjalinkan hubungan intim dengan dua orang lelaki secara serentak, dan merancang-rancang untuk berseronok dengan salah seorang mereka. Dia turut diceritakan sedia menimbang-nimbang kemungkinan untuk memuaskan nafsu seks dengan tukang kebunnya Hamid, jika rancangan awalnya itu gagal. Demikian juga Syed Mokhsin dan Adnan yang tidak menghormati larangan agamanya. Syed Mokhsin, umpamanya sedia berfoya-foya dengan janda rakan baiknya sendiri iaitu Syed Ghaffar, dan tidak pernah menyimpan hasrat mengahwini Sharifah Shuhada secara sah. Adnan pula curang terhadap isterinya, selain sedia mengeneipkan tanggungjawab terhadap parti dengan memendekkan tempoh mesyuarat kerana ingin memuaskan nafsu seksnya dengan Sharifah Shuhada. Kesediaan untuk melakukan perbuatan zina yang ditegah Islam juga ditunjukkan oleh pasangan watak-watak sampingan seperti Tijah dan Hamid serta Rohana dan Fakar, dengan pasangan yang terakhir itu turut memiliki sifat curang/khianat terhadap pasangan/ketua mereka (Adnan). Adalah jelas bahawa satu sifat yang menyatukan hubungan antara pasangan-pasangan dalam novel ini ialah sifat khianat/curang baik terhadap agama, mahu pun pasangan mereka (suami atau isteri yang sah di sisi agama). Atau dengan kata lain, apa yang jelas menonjol dalam *Terdedah* ialah sifat kebinatangan watak-wataknya yang diperlihatkan tidak mengendahkan hukum moral dan agama mereka. Ini diperkuatkan lagi dengan kecenderungan beberapa watak mewajarkan sifat kebinatangan mereka itu, umpamanya alasan Sharifah Shuhada tentang kelemahan nafsu seks Syed Ghaffar yang mendorongnya menjalinkan hubungan dengan Adnan dan Syed Mokhsin. Begitu juga justifikasi Adnan tentang statusnya kini yang dianggapnya lebih secocok dengan Sharifah Shuhada dan bukan Rohana, selain Rohana

sendiri yang menjadikan soal kesunyian kerana sering ditinggalkan Adnan sebagai alasan berhubungan sulit dengan Fakar. Berkaitan dengan soal moral ini, satu perkara yang tidak kurang penting ialah kesudahan cerita yang memelihara baik rahsia perhubungan sulit kesemua watak. Umpamanya, rahsia hubungan sulit Sharifah Syuhada dengan Syed Mokhsin terpelihara apabila Adnan hanya terserempak dengan mereka di ruang tamu dan bukannya di bilik tidur. Demikian juga rahsia hubungan sulit Rohana-Fakar yang terselamat kerana tangisan anak yang dikatakan sakit ketika Adnan pulang secara mengejut, selain rancangan Tijah-Hamid yang tidak menjadi kenyataan. Apa yang ketara, kesudahan cerita yang pada akhirnya memelihara rahsia semua rancangan watak-watak untuk mengisi kedahagaan nafsu seks masing-masing, bukan sahaja meniadakan sebarang hukuman moral, bahkan menonjolkan sifat kebinatangan mereka. Penonjolan ini dilihat bertepatan dengan subjudul yang dipilih, iaitu “Kisah Kebinatangan Manusia dalam Satu Hari Satu Malam”. Pada tahap ini, penting untuk difahami bahawa fokus tentang kedahagaan nafsu seks yang bergandingan dengan soal sifat kebinatangan manusia tidak sedikit pun terjejas sepanjang perkembangan novel. Ini dengan sendirinya mengundang keraguan terhadap kenyataan Shahnon yang mendakwa bahawa motif awalnya tersebut kemudiannya terpinggir kerana beliau ghairah membangkitkan soal kritikan sosial.

Seperti yang telah dinyatakan pada awal analisis ini, Shahnon mendakwa bahawa novel *Terdedah* sarat dengan pemikiran dan kritikan sosial. Pengamatan ini mendapati bahawa pemikiran dan kritikan sosial yang dimaksudkan oleh Shahnon merujuk kepada soal pertembungan antara dua kufu/kelas sosial yang berbeza, iaitu satu idea yang dilihat oleh kebanyakan pengkritik begitu sinonim dengan karya-karya sastera Melayu sekitar

tahun 1950-an dan 60-an.<sup>13</sup> Timbulnya soal tersebut dapat diamati pada cerita yang menampilkan watak-wataknya yang terdiri daripada dua kufu/kelas sosial yang berbeza, iaitu “kufu Arab-kelas atasan” yang diwakili Sharifah Shuhada, Syed Mokhsin dan Syed Ghaffar, dengan “kufu bukan Arab-kelas bawahan” yang diwakili Adnan, Rohana, Fakar, Hamid dan Tijah. Seterusnya, kedua-dua “kufu/kelas” yang saling berbeza kedudukannya dalam masyarakat dipertembungkan dengan perjuangan untuk menjayakan satu rancangan yang sama, iaitu bertemu pada malam hari untuk memuaskan nafsu seks mereka. Akan tetapi, analisis ini mendapati bahawa soal pertembungan “kufu/kelas” ini tetap tidak menjejaskan fokus cerita terhadap soal kedahagaan seks dan sifat kebinatangan watak. Dapatan ini diperolehi apabila pencerakinan novel menunjukkan bahawa soal “kufu/kelas” terpinggir dalam pengisian ruang naratif novel secara keseluruhannya. Ini jelas apabila selepas menampilkan watak-watak yang mewakili dua kufu dan kelas yang berbeza, novel menceritakan bagaimana watak-watak tersebut mengetepikan kepentingan “kufu/kelas” bagi mengisi tuntutan nafsu seks mereka. Sebagai contoh Sharifah Shuhada, janda muda yang kesunyian, pada awalnya memang diperlihatkan sebagai seorang yang prihatin terhadap soal keturunannya (Arab-kelas atas), tetapi kemudiannya dalam perkiraan peribadinya, Sharifah Shuhada diceritakan menjadikan soal memuaskan nafsu seksnya sebagai keutamaan, berbanding soal “kufu/kelas”. Ini jelas apabila dia diceritakan menimbang-nimbang kesesuaian Adnan (bukan keturunan Arab) sebagai calon pasangan seksnya, dan seterusnya menjustifikasi kedudukan Adnan sebagai wakil rakyat (dianggap sebagai “kelas atasan”) guna

---

<sup>13</sup> Sila rujuk pengamatan Ungku Maimunah tentang konvensi sastera Melayu moden, dalam bab bertajuk “A Brief Historical Survey of Modern Malay Literary Culture”, dlm. *Antara Kampung dan Kota: Rural Bias in the the Novels of Shahnnon Ahmad*, hlm. 17-73.

menampung “kekurangan” bangsa dan kufunya. Tidak dinafikan bahawa pada tahap ini, dakwaan Shahnnon tentang hadirnya soal “kufu & kelas” dalam *Terdedah* masih dapat dipertahankan. Namun, dakwaan tersebut kemudiannya goyah apabila novel selanjutnya menceritakan tentang kekecewaan Sharifah Shuhada apabila Adnan dan Syed Mokhsin tidak dapat menemaninya, lantas memutuskan untuk menjadikan tukang kebunnya, Hamid (bukan keturunan Arab dan kelas bawahan) sebagai calon pasangan seksnya.

Dengan perkembangan cerita yang sedemikian, soal “kufu & kelas” yang didakwa Shahnnon menjadi fokus utama dan mendominasi ruang naratif *Terdedah* jelas akhirnya dicairkan dengan keputusan watak-wataknya yang lebih mengutamakan desakan nafsu seksnya yang bersifat kebinatangan, dan bukannya soal “kufu/kelas” mereka. Adalah jelas bahawa soal “kelas dan kufu” dalam *Terdedah* dibangkit, disentuh untuk beberapa ketika, tetapi kemudiannya dikesampingkan oleh Shahnnon sendiri, sebagaimana yang jelas dalam perkembangan cerita secara keseluruhannya. Kesan yang sama juga dapat diamati pada perwatakan Syed Mokhsin yang diceritakan memilih Sharifah Shuhada bukan atas dasar keturunan dan kelas (sama-sama Arab & kelas atas), tetapi kerana kesediaannya (*availability*) untuk ditiduri. Justeru, novel menampilkan watak tersebut yang tidak pernah memikirkan soal mengambil Shuhada sebagai isteri yang sah. Malah, soal kesesuaian Sharifah Shuhada yang berdarah Arab dan wanita kelas atasan itu sebagai calon isteri yang secocok dengan keturunannya juga tidak pernah dibangkitkan dalam novel yang didakwa oleh novelisnya membawa persoalan tentang “kufu & kelas”. Kesan yang sama juga timbul daripada cerita tentang Adnan yang diceritakan tidak sabar-sabar memendekkan mesyuarat parti yang dipengerusikannya kerana dia mahu lekas-lekas

bertemu dengan Sharifah Shuhada, janda muda yang sunyi dan bersedia untuk ditemani, dan bukannya kerana dia seorang wanita yang berketurunan Arab dan berkelas tinggi. Begitu juga cerita tentang Hamid, Tijah, Fakar dan Rohana yang kesemuanya merancang dan memikirkan strategi untuk memuaskan nafsu seks mereka sahaja, tanpa menunjukkan sebarang manifestasi yang jelas dapat diterjemahkan sebagai perjuangan atau pergolakan “kufu-kelas”. Adalah jelas bahawa hadirnya watak-watak dari kufu dan kelas yang berbeza ini telah dilupakan perbezaan mereka dan disamaratakan dalam cerita dengan satu faktor yang mereka kongsi bersama, iaitu keinginan untuk memenuhi keinginan seks mereka yang bersifat kebinatangan.

Apa yang jelas daripada analisis-analisis di atas ialah kecenderungan novel yang nyata terhadap soal seks dan erotik yang dimanipulasi untuk menimbulkan rasa berahi pembaca, iaitu satu kecenderungan yang sama dengan praktik penulisan “novel popular”. Dengan hasil analisis ini, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa persepsi awal pembaca serta pandangan A. Teeuw yang menganggap bahawa *Terdedah* adalah sebuah “novel popular” (seperti yang dibangkitkan pada awal analisis ini) adalah berasas. Akan tetapi, perkembangan selanjutnya menyaksikan penerimaan yang berbeza terhadap *Terdedah*, terutamanya selepas pengurniaan Anugerah Sastera Negara kepada Shahnnon pada tahun 1982. Dalam laporan panel Anugerah Sastera Negara 1982, karya-karya dihasilkan oleh Shahnnon sepanjang “era picisan” (tahun 1960-an) termasuklah *Terdedah* dianggap membawa mesej dan kritikan tertentu, dan justeru dianggap memberikan sumbangan yang bermakna terhadap kesusasteraan Melayu. Pemahaman ini, antaranya jelas apabila laporan panel menyebut: “Walaupun Shahnnon terbawa-bawa juga arus itu [merujuk

kepada trend “era picisan”] ...*tetapi* beliau cuba juga mengemukakan unsur ironi dan sinis....”<sup>14</sup> [Huruf condong ditambah.] Adalah jelas bahawa penggunaan perkataan “tetapi” dalam laporan ini menunjukkan kecenderungan panel anugerah untuk mempertahankan mutu dan nilai sastera yang didakwa terkandung pada karya-karya “era picisan” Shahnnon. Walaupun memperakui wujudnya unsur-unsur seks dan erotik (jelas pada ungkapan: “Shahnnon terbawa-bawa juga arus itu”), namun adalah ketara bahawa penilaian panel anugerah hanya tertumpu pada unsur-unsur kritikan (disebut sebagai “ironi” dan “sinis”) yang dianggap berupaya melonjakkan nilai kesasteraan karya-karya “era picisan” Shahnnon seperti *Terdedah*.

Sesungguhnya, impak daripada laporan panel Anugerah Sastera Negara 1982 ini juga tidak kurang signifikan. Pengamatan mendapati bahawa selepas kehadiran laporan tersebut, resepsi-resepsi kritis terhadap *Terdedah* rata-rata memperakukan perkara yang sama, iaitu kedudukannya sebagai “novel serius”. Ini, umpamanya jelas pada ulasan Mohd. Yusof Hassan (seterusnya Yusof Hasan) terhadap novel tersebut dalam autobiografi yang ditulis khusus untuk memperingati ketokohan dan sumbangan Shahnnon dalam kesusasteraan Melayu. Dalam satu bab yang diperuntukkan khusus bagi membincangkan karya-karya penting Shahnnon, Yusof Hasan membangkitkan soal adanya kritikan sosial dan “unsur kemanusiaan” (ungkapan beliau sendiri) yang menurutnya tersulam melalui kisah kedahagaan seks manusia dalam novel tersebut. Merujuk kepada teknik penceritaan, Yusof Hasan menganggap bahawa *Terdedah* membawa satu “pembaharuan” (ungkapan beliau) kerana menceritakan kisah kebinatangan manusia

---

<sup>14</sup> *Laporan Panel Anugerah Sastera Negara 1982*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1982, hlm. 4.

dalam tempoh sehari semalam, meskipun pada masa yang sama beliau tidak pula mentakrifkan dengan jelas akan maksud “pembaharuan” yang dikatakannya itu. Berdasarkan perakuannya tentang adanya “unsur kemanusiaan” serta teknik penceritaan yang dianggap sebagai satu “pembaharuan”, selain ulasan mengenainya yang dimuatkan dalam satu bab yang khusus membicarakan karya-karya penting Shahnnon, adalah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa tulisan Yusof Hasan ini agak keberatan untuk melabelkan *Terdedah* sebagai “novel popular”, sebagaimana yang disimpulkan beliau: “Semuanya [watak-watak dalam *Terdedah*] memburu seks *di samping* terdapat unsur-unsur kemanusiaan di dalamnya” [Huruf condong ditambah.]<sup>15</sup>

### **Analysis Novel *Kuala Lumpur Kita Punya* Karya Abdullah Husain**

Perbincangan seterusnya beralih kepada *Kuala Lumpur Kita Punya* (1967) sebuah novel yang juga dianggap sebagai produk “era picisan” novelisnya, Abdullah. Menurut Yahaya Ismail (seorang pengkritik sastera Melayu), *Kuala Lumpur Kita Punya* merupakan antara manifestasi penting ‘kepincangan’ dunia sastera Melayu ketika era 1960-an. Sehubungan itu, beliau menjelaskan bahawa kecenderungan sastera Melayu era tersebut terhadap seks dan erotik adalah disebabkan oleh tiga faktor, iaitu keghairahan para penulis untuk mengaut keuntungan material, kelemahan para penulis untuk memikirkan tema-tema yang lebih serius, dan kegagalan audien sastera Melayu sendiri untuk menghargai karya-karya sastera yang bermutu tinggi, sebagaimana yang ditulisnya:-

...novelis yang mencipta sebuah novel yang berunsur seks bisa memberi beberapa tafsiran kepada kita. Pertama, kerana ia mahu mengeksploitasi unsur itu sepuas-

---

<sup>15</sup> Mohd. Yusof Hasan, *Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990, hlm 34

puas hati dalam ciptaannya supaya ia bisa mendapat pembaca yang banyak, dan dengan demikian mendapat royalti yang memuskan untuk dirinya. Kedua, kerana ia lemah untuk memikirkan tema-tema lain yang lebih besar dan berfaedah untuk bangsanya dan pembacanya dari aspek pembangunan kesedaran dalam menikmati kesusasteraan yang tinggi mutunya. Ketiga, masyarakat pembaca kita sendiri lemah untuk membangunkan satu gagasan budaya yang kuat dan dinamis yang bias menyalurkan idea-idea baru yang dinamis, dan penikmatan seni yang tinggi mutunya kerana kekurangan-kekurangan dan kelemahan-kelemahan-kelemahan bangsa kita untuk menggali dan menganalisa secara serius masalah-masalah moral, budaya, pendidikan dan sebagainya yang kita pusakai itu. Oleh kerana itu, muncul-nya novel-novel yang bergelodak dengan unsur seks dalam sastera moden seperti novel **Abdullah Hussain yang menggemparkan, *Kuala Lumpur Kita Punya...***<sup>16</sup> [Penekanan ditambah.]

Kutipan yang agak panjang di atas penting untuk diturunkan kerana ia dengan jelas memperlihatkan persepsi Yahaya Ismail terhadap *Kuala Lumpur Kita Punya* yang dianggapnya sebagai sumbangan Abdullah dalam memperkayakan koleksi “novel popular” sastera Melayu. Penting untuk dijelaskan bahawa pandangan Yahaya Ismail ini turut dikongsi oleh Nik Safiah Karim dan Ismail Muhammad yang rata-rata memperakukan kecenderungan novel *Kuala Lumpur Kita Punya* terhadap seks dan erotik, iaitu satu ciri penting yang sering dikaitkan dengan “novel popular”.<sup>17</sup> Dengan kata lain, adalah bahawa pada awalnya kemunculannya, *Kuala Lumpur Kita Punya* sedia ditanggapi sebagai “novel popular”, dan bukannya “novel serius”.

Analisis ini mendapati bahawa persepsi dan tanggapan di atas ada asasnya, kerana bacaan awal mendapati bahawa cerita dalam *Kuala Lumpur Kita Punya* sememangnya cenderung ke arah seks dan erotik. Ini, umpamanya jelas apabila novel memilih untuk

---

<sup>16</sup> Yahaya Ismail, *Bahasa dan Kesusasteraan*, Pustaka Nasional, Singapore, 1968, hlm. 17-18

<sup>17</sup> Sila rujuk Nik Safiah Karim, “*Kuala Lumpur Kita Punya* Karya Abdullah Hussain”. *Dewan Bahasa*, April, 1968, hlm. 175; & Ismail Muhammad, “*Kuala Lumpur Kita Punya* Karya Abdullah Hussain”. *Dewan Bahasa*, April, 1964, hlm. 180.

menghadirkan watak lelaki-lelaki muda sebagai protagonis novel. Kehadiran *multiple-protagonists* yang diwakili oleh Johan, Taha, Nordin dan Adnan kemudiannya dilihat memungkinkan cerita untuk menuju ke arah seks dan erotik, terutamanya apabila watak-watak tersebut setiap satunya ditampilkan dengan karektor yang gemar berfoya-foya dan aktif-seks, selain tidak sensitif terhadap peraturan agama mereka, iaitu Islam. Dengan perwatakan yang sedemikian, novel dengan mudah mengisi dunia naratifnya dengan cerita-cerita tentang pengalaman seks setiap protagonisnya yang kesemuanya berlaku di luar batas hukum Islam, seperti pengalaman seks Johan dengan isteri orang dan para pelacur, pengalaman seks Nordin dengan tunangnya, serta hubungan bebas Taha dan Adnan dengan beberapa orang wanita. Selain itu, analisis juga mendapati bahawa kesemua protagonis dihadirkan dengan kecenderungan seks mereka yang berbeza-beza dan bervariasi. Umpamanya, Johan hadir sebagai *exhibitionist* yang suka mempamerkan alat sulitnya kepada orang lain, manakala Taha pula sebagai *sex maniac* yang suka melayani fantasi seksnya. Begitu juga Adnan yang gemar melakukan hubungan seks dengan wanita Inggeris, manakala Nordin pula gemar berseronok dengan gadis-gadis tempatan yang masih muda. Sesungguhnya, kehadiran protagonis-protagonis dengan kecenderungan seksnya yang sedemikian, mengundang kemasukkan watak-watak wanita ke dalam dunia fiktif dunia yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur, status dan bangsa. Watak-watak tersebut diwakili Ramlah yang hadir sebagai isteri orang, Marlia dan Rosmah yang kedua-duanya perempuan muda, Rukiah seorang janda dan Miss Lane yang berbangsa Inggeris. Selain Miss Lane, watak-watak wanita lain yang kesemuanya beragama Islam juga hadir sebagai watak yang tidak prihatin dengan peraturan agama mereka (Islam), dan sedia terlibat dalam perhubungan seks di luar nikah. Tidak

keterlaluan jika dikatakan bahawa kehadiran watak-watak wanita dengan ciri-ciri perwatakan yang sedemikian, meletakkan mereka sebagai pasangan seks yang dapat memenuhi nafsu dan kegemaran seks watak-watak protagonis lelaki yang sedia bervariasi itu. Kedudukan watak-watak yang seumpama ini dengan mudah membolehkan novel untuk mengisi ceritanya dengan babak-babak seks yang melibatkan watak-watak protagonis novel dengan pasangan seks masing-masing, seperti yang akan diterokai lebih lanjut nanti. Pada tahap ini, penting untuk dikatakan bahawa kecenderungan cerita terhadap seks dan erotik adalah jelas dan semakin berkembang.

Analisis seterusnya mendapati bahawa kecenderungan tersebut turut mempengaruhi pembikinan plot *Kuala Lumpur Kita Punya*. Ini dapat dilihat daripada pemilihan struktur plot yang bersifat *episodic* yang menghadirkan peristiwa-peristiwa yang ceritanya boleh berdiri dengan sendiri, dan kemudiannya menjadi episode-episode yang saling berantainya dan membentuk satu cerita induk yang lebih komprehensif. Dalam *Kuala Lumpur Kita Punya*, setiap satu episode menghadirkan satu babak seks yang juga berfungsi sebagai klimaks cerita pada setiap episode. Ini bererti bahawa pembahagian episode-episode dalam novel ini adalah berdasarkan kepada satu cerita dalam satu episode yang kesemuanya tertumpu, dan berakhir dengan babak hubungan seks. Dengan struktur plot yang sedemikian, analisis mendapati bahawa *Kuala Lumpur Kita Punya* menghadirkan lapan (8) episod yang setiap satu ditumpukan kepada cerita tentang hubungan seks salah seorang *multiple-protagonist*nya dengan pasangan seks masing-masing. Umpamanya, cerita tentang hubungan sulit Johan dengan Ramlah diceritakan dalam dua episod yang berlainan, yang setiap satunya berakhir dengan babak hubungan

seks mereka. Begitu juga cerita-cerita seks yang melibatkan Taha, Nordin dan Adnan yang setiap satunya diceritakan dalam dua episode yang kesemuanya memaparkan babak-babak hubungan seks mereka yang eksplisit. Ternyata struktur plot yang seperti ini menyebabkan *Kuala Lumpur Kita Punya* berkembang dan terbina berasaskan lapan episode cerita, yang setiap satunya tertumpu kepada babak perhubungan seks watak-watak protagonisnya. Ini dengan sendirinya menjadikan babak-babak seks, serta manifestasi-manifestasi seks dan erotik didapati begitu tebal menyelubungi dunia fiktif novel ini, dan sekali gus mengesahkan persepsi serta pandangan yang menganggap *Kuala Lumpur Kita Punya* adalah sebuah “novel popular”, seperti yang dibangkitkan pada awal analisis ini.

Penting untuk dinyatakan bahawa soal saratnya *Kuala Lumpur Kita Punya* dengan babak-babak seks ini juga dibangkitkan oleh panel Anugerah Sastera Negara 1996. Dalam laporan mereka, panel anugerah berpendapat bahawa meskipun tema yang digarap dalam novel boleh dianggap serius kerana ceritanya berlegar tentang pancaroba kehidupan di kotaraya, namun tema ini diakui sendiri oleh panel dimanipulasi guna menghadirkan begitu banyak babak-babak seks dan erotik, seperti yang dilaporkan oleh panel dalam petikan yang dikutip di bawah:

Pada dasarnya novel ini memperagakan persoalan yang serius iaitu coretan hidup di kota Kuala Lumpur yang penuh dengan pancaroba...berlegar sekitar tindak-tanduk beberapa orang anak muda...Walaupun persoalannya serius, **cabaran hidup di kota ini tidak lebih dari bingkai**

**yang diadakan untuk memungkinkan kemasukan babak-babak yang condong kepada babak erotik.**<sup>18</sup> [Penekanan ditambah]

Akan tetapi, soal saratnya *Kuala Lumpur Kita Punya* dengan babak-babak seks dan erotik, iaitu satu ciri yang dengan mudah dapat melekatkan novel ini dengan label “novel popular” dilihat TIDAK menjejaskan perakuan panel terhadap sumbangan novel ini khususnya terhadap kerjaya penulisan Abdullah. Ini, umpamanya jelas apabila laporan panel anugerah membangkitkan soal adanya unsur-unsur pengajaran moral, iaitu apabila kesudahan cerita *Kuala Lumpur Kita Punya* yang memberikan balasan setimpal (*poetic justice*) terhadap watak-watak yang tidak bermoral. Watak Johan, umpamanya diceritakan menerima balasan buruk apabila Ramlah memerangkapnya kerana Johan enggan mengahwininya. Begitu juga balasan terhadap kejahatan Taha dan Nordin apabila rahsia perhubungan sulit mereka dengan beberapa wanita terbongkar. Adalah jelas daripada laporan panel anugerah bahawa kesudahan cerita yang seumpama ini, meskipun diakui oleh mereka sendiri sebagai begitu tipis (ungkapan mereka ‘penyelesaian yang ringkas’), tetapi dianggap memadai dalam menyampaikan pengajaran moral, seperti yang tercatat dalam *Laporan Panel Anugerah Sastera 1996*:

Namun begitu penyelesaian novel ini memberi pandangan yang sebaliknya apabila Johan, watak yang banyak terlibat dalam kegiatan terlarang, terjebak dalam perangkap wanita yang dipermainkannya, dan ditangkap polis. **Penyelesaian yang ringkas** ini cuba menegaskan segala perbuatan yang dilakukan oleh Johan dan watak-watak lain yang serupa dengannya perlu ditolak kerana bersalahan dengan moral dan nilai hidup.<sup>19</sup>

---

<sup>18</sup> *Laporan Panel Anugerah Sastera Negara 1996*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996, hlm. 17.

<sup>19</sup> *Ibid.*

Selain itu, dalam usaha untuk memperkukuhkan lagi kewajaran Abdullah sebagai penerima Anugerah Sastera Negara, panel anugerah turut membangkitkan soal keberanian Abdullah dalam meneroka teknik-teknik penulisan novel. Justeru, tindakan Abdullah menghasilkan sebuah novel yang sarat dengan babak seks dan erotik seperti *Kuala Lumpur Kita Punya* dianggap oleh panel anugerah sastera sebagai satu manifestasi terhadap keberanian tersebut, sebagaimana yang tercatat dalam laporan: ‘...[*Kuala Lumpur Kita Punya*] mencerminkan eksperimen Abdullah dengan bentuk yang demikian [erotik]’.<sup>20</sup> Adalah jelas daripada pengamatan ini bahawa soal saratnya *Kuala Lumpur Kita Punya* dengan babak seks dan erotik (iaitu satu ciri yang sering dikaitkan dengan “novel popular”), pada kaca mata panel Anugerah Sastera Negara 1996 menjadi satu kekuatan yang melayakkan Abdullah dikurniakan anugerah tersebut.

Dapat dikatakan bahawa perakuan panel Anugerah Sastera Negara 1996 kemudiannya memberikan meninggalkan kesan yang signifikan terhadap novel *Kuala Lumpur Kita Punya*. Hal ini jelas apabila selepas daripada menerima “Anugerah Sastera Negara”, Abdullah kemudiannya dikurniakan gelaran Dato’ sebagai pengiktirafan terhadap jasa dan sumbangannya dalam dunia kesusasteraan negara. Lebih khusus lagi, persepsi terhadap nama dan reputasi Abdullah juga turut berubah daripada penulis “novel popular” (sebagaimana yang ditanggapi oleh Yahaya Ismail dan pengkritik lain pada tahun 1960-an) kepada penulis “novel serius”. Malah, beberapa tulisan pengkaji sastera kebelakangan ini seperti Nazim Misbah dan Zaiton Ajmain dengan jelas memperakukan ketokohan Abdullah sebagai penulis yang cenderung terhadap Islam (berdasarkan

---

<sup>20</sup> Ibid.

beberapa novel bercorak keislaman Abdullah yang kemudiannya), dan sekali gus melenyapkan sejarah awal beliau yang pernah menghasilkan novel yang sarat dengan babak seks dan erotik yang eksplisit.<sup>21</sup> Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa perubahan persepsi ini, antaranya dimungkinkan oleh laporan panel Anugerah Sastera 1996 yang memperakukan mutu dan nilai sastera dalam novel-novel Abdullah termasuklah novel *Kuala Lumpur Kita Punya*.

### **Kesimpulan**

Perbincangan ini bertolak daripada pengamatan terhadap polemik pemilihan teks sastera KOMSAS di Malaysia. Perbincangan yang mewarnai polemik ini, antaranya menyerlahkan tanggapan yang berbeza antara "novel popular" dengan "novel serius". "Novel popular" ditanggapi sebagai karya yang tidak bermutu kerana ditulis untuk kepentingan komersial, dan kerana itu juga unsur-unsur seks dan erotik dimanipulasi secara dangkal dan eksplisit. Tanggapan ini berbeza terhadap "novel serius" yang dianggap bernilai sastra dan bermutu tinggi kerana menawarkan pemikiran yang serius dan mendalam. Sehubungan itu, dalam konteks perbezaan kedudukan antara kedua-duanya, anugerah dan hadiah sastera menjadi satu perakuan yang legitimate yang menentukan kedudukan sesebuah karya sama ada tergolong sebagai "novel serius" atau "novel popular". Dengan kata lain, karya-karya yang dihasilkan oleh penulis-penulis yang telah dikurniakan anugerah dan hadiah sastera rata-rata diterima dan diakui sebagai karya sastera yang bermutu tinggi, dan justeru penolakan atau peminggiran terhadapnya dianggap sebagai

---

<sup>21</sup> Antaranya sila rujuk Nazim Misbah, "Pemikiran Abdullah Hussain dalam Novel *Imam*", Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1996; & Ahmad Kamal Abdullah & Zaiton Ajmain. *Jambak* 3, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1995.

satu kesilapan atau penghinaan. Dalam konteks inilah, makalah ini berusaha untuk membahaskan persoalan tersebut dengan menganalisis dua novel hasil nukilan Sasterawan Negara, iaitu *Terdedah* karya Shahnnon Ahmad dan novel *Kuala Lumpur Kita Punya* karya Abdullah Hussain. Dengan menjadikan kedua-dua novel sebagai teks kajian, makalah ini berhasil mengenal pasti beberapa kesimpulan penting. Antaranya, karya-karya Sasterawan Negara yang dikatakan bermutu tinggi dan bernilai sastra didapati tidak terlepas daripada kecenderungan terhadap soal seks dan erotik, iaitu satu sifat yang dianggap menjadi ciri sebuah "novel popular". Sehubungan itu, analisis mendapati bahawa unsur-unsur seks dimanipulasi sepenuhnya dalam kedua-dua buah novel yang dikaji untuk menimbulkan kesan-kesan erotik melalui pemerian babak-babak seks yang eksplisit. Analisis ini turut mendapati bahawa kedua-dua novel yang dikaji juga tidak menawarkan pemikiran yang mendalam dan kritis, sebaliknya hanya menimbulkan unsur-unsur terhadap tema-tema tertentu, tetapi kemudiannya mencairkannya dengan fokus yang berlebihan terhadap seks dan erotik. Analisis ini turut mengenal pasti bahawa kelemahan-kelemahan tersebut didapati tidak menjejaskan penilaian panel Anugerah Sastera Negara terhadap kelayakan kedua-dua novelis dikurniakan anugerah tersebut. Dalam hal ini, kedua-dua panel Anugerah Sastera Negara didapati cenderung sama ada mengaburkan kecenderungan novel-novel yang dikaji seperti yang dikenal pasti di atas, guna menyokong serta mewajarkan kemenangan kedua-dua novelisnya. Pengamatan ini bahawa kedua-dua laporan panel Anugerah Sastera Negara kemudiannya memberikan kesan yang signifikan terhadap persepsi dan kritikan yang ditujukan kepada kedua-dua novel yang dikaji. Adalah jelas bahawa kedua-dua novel yang pada awal kehadirannya ditanggapi sebagai "novel popular", kemudiannya diterima sebagai "novel serius" setelah

novelisnya dikurniakan gelaran "Sasterawan Negara". Dengan kata lain, dalam kes kedua-dua novel yang dikaji ini, anugerah sastera didapati telah berupaya mengubah persepsi dan tanggapan terhadap mutu dan nilai sastra kedua-dua novel yang pada awalnya diragui dan dipertikaikan. Dalam konteks inilah, makalah ini berpendapat bahawa persepsi serta tanggapan yang menganggap bahawa anugerah dan hadiah sastera sebagai petanda mutlak terhadap mutu dan nilai sastera sesebuah karya wajar difikirkan semula.

### Rujukan

- Ahmad Kamal Abdullah & Zaiton Ajmain. 1995. *Jambak 3*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anwar Ridhwan. 2008. "Karya Bermutu Wajar Jadi Teks Sastera". *Berita Harian*, 15 Januari.
- A.Teeuw. 1966. "Kesan Seorang Luar: Dua Novelet Karangan Shahnnon Ahmad. *Dewan Bahasa* (Mac): 107-108.
- Laporan Panel Anugerah Sastera Negara 1982*. 1982. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Yusof Hasan. 1990. *Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Muhammad. 1964. "*Kuala Lumpur Kita Punya Karya Abdullah Hussain*". *Dewan Bahasa* (April): 180.
- Laporan Panel Anugerah Sastera Negara 1996*. 1996. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Zariat Abdul Rani. 2007. "Konsep *Picisan* dalam Kesusasteraan Melayu: Beberapa Pengamatan". Kertas kerja Konferensi Internasional Kesusasteraan XVII. Anjuran Himpunan Sarjana-Kesusasteraan Indonesia (HISKI) & Departemen Susastra, Fakultas Ilmu Pengetahuan Budaya, Universitas Indonesia, di Fakultas Ilmu Pengetahuan Budaya, Universitas Indonesia, Jakarta. 6-9 Ogos.
- Nazim Misbah. 1996. "Pemikiran Abdullah Hussain dalam Novel *Imam*". Latihan Ilmiah. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Nik Safiah Karim. 1968. "Kuala Lumpur Kita Punya Karya Abdullah Hussain". *Dewan Bahasa* (April): 175.
- Ramli Isin. 1987. *Riak dan Gelombang Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- "Saya Tidak Mahu Lagi Bergelar Sasterawan Negara-A. Samad Said". *Utusan Malaysia*, 24 Januari 2008.
- Shahnon Ahmad. 1993. *Sastera Sebagai Seismograf Kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Supardi Muradi. 1978. "Novel-novel Erotik Melayu Di Sekitar Tahun-tahun 1960-an-1970-an: Satu Pembicaraan". Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Syed Mohd. Zakir Syed Othman. 2008. "Cadang Karya Sasterawan Negara Jadi Teks Sekolah". *Berita Harian*, 17 Januari.
- "Teks Sastera Kena Pikat Penulis Muda", *Berita Harian*. 29 Januari 2008.
- "Teks Sekolah Tak Senarai Karya Sasterawan Negara". *Berita Harian*, 12 Januari 2008.
- "Teks Sekolah Tak Senarai Karya Sasterawan Negara". *Berita Harian*, 12 Januari 2008.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 1998. *Antara Kampung dan Kota: Rural Bias in the Novels of Shahnon Ahmad*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998.
- Yahaya Ismail. 1968. *Bahasa dan Kesusasteraan*. Singapore: Pustaka Nasional.

This document was created with Win2PDF available at <http://www.daneprairie.com>.  
The unregistered version of Win2PDF is for evaluation or non-commercial use only.